

15 AUG 1998

Mahathir-toleran

DR MAHATHIR MAHU RAKYAT AMALKAN SIKAP TOLAK ANSUR

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak agar peka terhadap sensitiviti rakyat berbilang kaum di negara ini bagi memelihara keharmonian di kalangan mereka.

Katanya keharmonian kaum di negara ini bukanlah sesuatu yang sukar untuk dikekalkan kerana ia hanya memerlukan sedikit usaha dan sikap tolak ansur di kalangan penduduk berbilang kaum yang ada di negara ini.

"Sikap tidak bertolak ansur boleh menjadi punca kepada masalah perkauman. Di Malaysia kita harus ingat perkara ini dan parti komponen Barisan Nasional terutamanya, mesti ingat akan pentingnya kita ada sikap tolak ansur terhadap parti lain," katanya ketika merasmikan Kongres ke-9 Parti Liberal Demokratik (LDP) di sini hari ini.

Dr Mahathir terdapat banyak contoh di negara-negara lain bagaimana sikap enggan bertolak ansur telah menyebabkan berlakunya persengketaan kaum dan agama.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN turut menasihatkan anggota-anggota komponen BN agar terus memperkukuh lagi sikap tolak ansur itu dengan menggunakannya sepenuhnya amalan perundingan.

Katanya dalam sesuatu organisasi sudah pasti ada perbezaan pandangan bukan sahaja di kalangan pemimpin malah anggota, tetapi semua pihak hendaklah berunding dan mencapai keputusan terbaik dan selepas itu semua pihak mesti menyokong keputusan berkenaan.

"Yang penting ialah bagaimana kita menyelesaikan perbezaan pendapat, kita perlu berbincang dan mencapai persetujuan walaupun keputusan majoriti mungkin tidak diterima oleh kumpulan minoriti, tetapi selepas keputusan dibuat, kita harus merapatkan barisan dan menyokong keputusan itu. Itulah caranya parti harus bergerak," katanya.

Dalam konteks pilihan raya negeri tidak lama lagi, Dr Mahathir berkata semua anggota komponen BN negeri perlu menerima hakikat bahawa setiap komponen bertanggungjawab menyokong dan menjamain kemenangan parti komponen lain yang dipilih bertanding di sesuatu kawasan.

"Dalam hal ini, sudah tentu tidak akan ada calon LDP di semua kawasan. Cuma di beberapa kawasan sahaja ada calon LDP. Di kawasan lain, ada calon dari parti komponen lain pula. Konsep BN ialah kita menyokong calon BN tanpa mengambil kira daripada parti mana," katanya.

Komponen BN di Sabah khususnya harus ingat bahawa semua calon BN tidak kira dari parti komponen yang mana, adalah calon BN, dan oleh itu semua parti mesti memastikan kemenangan calon-calon BN, kata beliau disambut dengan tepukan gemuruh.

Mengenai pilihan raya negeri itu sendiri Dr Mahathir berkata: "Tak lama lagi Sabah akan mengadakan pilihan raya. Tak lama, tapi bila, saya tak tahu, jadi jangan cuba teka."

Penggal Dewan Undangan Negeri Sabah sekarang berakhir pada 18 Mac tahun depan.

Presiden LDP Datuk Chong Kah Kiat dalam ucapannya turut menekankan aspek tolak ansur serta bekerjasama bagi memastikan kemenangan lebih besar oleh BN yang kini mempunyai majoriti dua pertiga di dewan.

Chong yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyeru keturunan Cina yang menjadi tunjang kekuatan LDP, agar memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada BN yang sudah terbukti mampu membangunkan negara.

-- BERNAMA

KG JS MAI